

SIARAN MEDIA

ISTANA BUDAYA MENUTUP TIRAI PERSEMBAHAN 2025 DENGAN PEMENTASAN KARYA AGUNG UDA DAN DARA

KUALA LUMPUR, 19 NOVEMBER 2025 – Istana Budaya menutup tirai persembahan bagi tahun 2025 dengan pementasan karya agung iaitu Teater Muzikal Uda dan Dara hasil tulisan Sasterawan Negara Allayarham Dato' Dr. Usman Awang ini akan **dipentaskan pada 20 hingga 23 November 2025 bertempat di Playhouse Theatre, The Campus, Ampang.**

Pementasan Teater Muzikal Uda dan Dara ini diperuntukkan di bawah B11 Ikhtisar 57 - Bahasa dan Karya Kreatif melalui Program Memartabatkan Bahasa Karya Agung Insentif Belanjawan MADANI 2025. Istana Budaya melalui Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Pertubuhan Rumpun Seni Mekar Budaya (Mekar Budaya) menyahut seruan Kerajaan MADANI dalam usaha memartabatkan bahasa dan seni persembahan melalui pementasan Teater Muzikal Uda dan Dara.

Teater Muzikal Uda dan Dara ini mengangkat **tema cinta sejati, konflik darjat, dan perjuangan dua jiwa** yang terhalang oleh adat serta perbezaan sosial. Kisah tragis antara Uda, seorang pemuda daripada keluarga sederhana, dan Dara seorang gadis bangsawan dipersembahkan semula dengan pendekatan kontemporari tanpa menghilangkan nilai akar budaya Melayu yang menjadi kekuatan karya asal.

Antara objektif utama pementasan ini ialah memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu yang puitis selaras dengan sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan, serta mengangkat karya agung Sasterawan Negara Allahyarham Dato' Dr. Usman Awang kepada masyarakat. Pementasan ini juga menjadi medium memperkasa linguistik dan keindahan bahasa kebangsaan melalui platform teater, di samping menjadikan karya agung negara sebagai penanda aras kecemerlangan dalam aspek pengarahannya, rekaan kostum, set, muzik dan koreografi.

Karya agung Uda dan Dara oleh Allahyarham Dato' Dr. Usman Awang ini digarap dengan arahan bersama Pengarah Persembahan Encik Nik Muhamad Faiszulikwan

(Istana Budaya) dan Dr. Marlenny Deenerwan (Mekar Budaya) serta dibantu oleh Aqil Rozai sebagai Penolong Pengarah (Mekar Budaya). Teater ini menampilkan beberapa artis tempatan berbakat besar seperti Johan As'ari, Zera Hariz, Jay Iswazir, Farah Ahmad, Amerul Affendi, Azman Hassan dan Sara Sulaiman. Berikut adalah senarai watak bagi pementasan Teater Muzikal Uda dan Dara;

BIL	WATAK	PELAKON
i.	Uda	Johan As'ari
ii.	Dara	Zera Hariz
iii.	Alang Bakhil	Jay Iswazir
iv.	Ibu Dara	Farah Ahmad
vii.	Utih	Amerul Affendi
v.	Pak Long	Azman Hassan
vi.	Mak Long	Sara Sulaiman

Menurut pengarah persembahan iaitu Nik Muhammad Faiszulikwan berkata pementasan kali ini memberi penekanan kepada penghayatan emosi, nilai artistik pentas serta muzik segar yang diolah semula bagi menarik penonton pelbagai generasi. "Uda dan Dara bukan sekadar kisah cinta namun ia cerminan masyarakat, nilai dan perjuangan yang masih relevan sehingga kini."

Pengarah Artistik, Tari dan Muzik iaitu Irwan Ismadi Shahrin, Sharifah Raha Syed Mustafa dan Nik Nizam Jaafar juga merupakan barisan tenaga kreatif Istana Budaya yang berpengalaman dan pakar dalam bidang tersebut dalam menyampaikan mesej berkesan dan kesan seni visual yang menakjubkan. Gabungan tari dan muzik tradisional Melayu diperkaya dengan sentuhan muzikal moden turut memberi kesan segar, bertenaga dan menghiburkan.

Sejumlah 14 buah lagu baharu telah berjaya dicipta khas khususnya buat Teater Muzikal Uda dan Dara oleh pemuzik Istana Budaya yang berbakat besar yang terdiri daripada Pengarah Muzik Nik Nizam Jaafar, Syafiq Al Gambus, Ude Sitar dan Izzwan. Lontaran vokal nyanyian watak Uda dan Dara turut diperhalusi oleh Pengarah Vokal Mimah Zulkifli dalam memastikan penyampaian berkesan, merdu serta menjadi halwa telinga kepada penonton yang hadir. Sebanyak lima (5) pemuzik turut mengiringi pementasan ini secara langsung dengan penglibatan alat muzik seperti piano, gitar (*sequencer*), *violin*, seruling buluh dan perkusi melayu/moden.

Setiap lagu disusun secara kreatif dengan iringan muzik langsung bagi memberi dinamik serta menghidupkan suasana pementasan. Dari sudut teknikal, penggunaan

teknologi pencahayaan, sistem bunyi dan rekaan pentas moden memberikan dimensi visual yang lebih kuat, manakala elemen set dan kostum tradisional tetap dikekalkan sebagai penegasan identiti budaya Melayu.

Karya agung ini turut membawa mesej kemanusiaan yang mendalam seperti yang digarapkan oleh Allahyarham Dato' Dr. Usman Awang bahawa cinta, keikhlasan dan maruah diri mengatasi kekayaan dan pangkat, serta keindahan bahasa Melayu wajar dipelihara agar terus segar dalam arus pemodenan

Persembahan yang berdurasi selama 2 jam 15 minit ini akan membawa para penonton menyelami perasaan para pelakon khususnya watak Uda dan Dara dengan mengahayati setiap dialog yang dilontarkan. Setiap babak penuh dengan penghayatan dan emosi pastinya meninggalkan dihati para penonton. Setiap lagu disusun secara kreatif dengan iringan muzik langsung bagi memberi dinamik serta menghidupkan suasana pementasan. Dari sudut teknikal, penggunaan teknologi pencahayaan, sistem bunyi dan rekaan pentas moden memberikan dimensi visual yang lebih kuat, manakala elemen set dan kostum tradisional tetap dikekalkan sebagai penegasan identiti budaya Melayu.

Teater Muzikal Uda dan Dara akan berlangsung selama empat (4) hari dengan lima (5) pementasan bermula pada 20 hingga 23 November 2025. Bagi persembahan malam dijadualkan pada 20 hingga 22 November 2025, jam 8.00 malam di Playhouse Theatre, The Campus, Ampang. Manakala persembahan pada sebelah petang (slot *matinee*) pada 22 dan 23 November 2025, jam 2.30 petang di pentas yang sama.

Tiket persembahan telah dibuka untuk dijual menerusi platform Cloudjoi bermula pada harga tiket serendah RM40, RM75, RM100 dan RM150. Tempahan tiket boleh didapati di setiap platform media sosial Istana Budaya atau imbas kod QR yang terdapat pada poster hebahan Istana Budaya. Selain itu, IB turut memberikan potongan harga sebanyak 15% khususnya buat tiket berharga RM150 bagi Warga Emas, Penjawat Awam, Pelajar dan Golongan Kurang Upaya (OKU) dengan terma dan syarat.

Untuk maklumat lebih lanjut, orang awam boleh melayari portal dan platform media sosial Istana Budaya atau menghubungi Unit Perhubungan Awam, Istana Budaya di talian 03-4026 5555 / e-mel ke info@istanabudaya.gov.my .

**Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA**

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my
Facebook, Instagram: [@istanabudaya](https://www.facebook.com/istanabudaya) & TikTok: [@istanabudayaofficial](https://www.tiktok.com/@istanabudayaofficial)